

## PENGGUNAAN ISTILAH BERFIKIR BERDASARKAN KANDUNGAN AL-QURAN THE USE OF THINKING TERMINOLOGY BASED ON AL-QURAN

Wan Ali Akbar Wan Abdullah  
SMK Undang Jelebu

Nursafra Mohd Zhaffar  
Kolej Komuniti Tangga Batu

### Abstrak

Terdapat banyak pandangan yang mengkritik dan mengulas mengenai penggunaan Taksonomi Bloom dalam pendidikan, sama ada membandingkannya dengan taksonomi pemikiran yang lain atau pun melihat taksonomi dari sudut perspektif Islam. Kertas konsep ini merungkai lapan istilah berfikir yang terkandung dalam al-Quran iaitu *tafakkur*, *tadabbur*, *tafaqquh*, *iktibar*, *tawassum*, *tazakkur*, *taaqqul* dan *tafahhum*. Penulis meneliti sebahagian besar ayat al-Quran yang mengandungi istilah-istilah tersebut, kemudian mengkategorikan kepada tema-tema berdasarkan topik yang Allah bahaskan sekitar istilah tersebut. Seterusnya, perkaitan antara tema dan istilah berfikir dibincangkan. Kesimpulan daripada kertas ini, matlamat utama pemikiran adalah untuk dekat kepada Allah. Maka, ilmu akidah, fikah dan akhlak adalah ilmu yang menjadi dasar kepada ilmu-ilmu yang lain. Selain itu, tafakkur pula adalah istilah berfikir secara umum, manakala istilah-istilah yang lain bersifat khusus dan digunakan oleh Allah berfokus kepada topik-topik tertentu. Orang yang tidak berfikir dengan betul atau tidak mahu berfikir disifatkan dengan sifat-sifat yang buruk oleh Allah.

**Kata kunci:** Istilah berfikir, al-Quran, tafakkur, tafaqquh, iktibar.

### Abstract

A lot of opinion regarding Taxonomy Bloom was criticized and reviewed in education, either to compare it with the other Taxonomy of thinking or to view the taxonomy from Islamic perspective. This research discuss the eight thinking terminology from al-Quran, which are *Tafakkur*, *Tadabbur*, *Tafaqquh*, *Iktibar*, *Tawassum*, *Tazakkur*, *Taaqqul* and *Tafahhum*. The researcher studied the words in al-Quran before categorized the terms based on the topic said by Allah regarding the terminology. Then, the relation between the theme and the thinking terminology were discussed. The conclusion from this research, the main aim of thinking is to be closed to Allah. Therefore, the study of akidah, fikah and akhlak are the main platforms for the other studies. Other than that, tafakkur is a common thinking terminology, whereas the other terms are more specific and use by Allah focusing on certain topics. The act of perfunctory or refusing to think, were said to be bad traits by Allah.

**Keywords:** Thinking, al-Quran, tafakkur, tafaqquh, iktibar

### 1. PENGENALAN

Taksonomi Bloom merupakan objektif pendidikan yang digunakan oleh pendidik untuk mengukur dan meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi pelajar dalam pembelajaran (Nursyahrah et al., 2018). Taksonomi Bloom digunakan sebagai asas kepada penyusunan sistem pembelajaran, pengajaran dan pentaksiran oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Walau bagaimanapun, ada sarjana yang menolak Taksonomi Bloom dengan pelbagai hujah yang menunjukkan kelemahan yang ada dalam taksonomi tersebut. Nursyahrah et al., (2018) menyatakan bahawa Taksonomi Bloom dikritik dari empat sudut, iaitu; susunan hirarki, pengelasan struktur, kegunaan dan taksonomi baru.

Selain itu, terdapat juga beberapa kajian perbandingan dibuat antara Taksonomi Bloom dengan taksonomi yang lain. Contohnya, kajian perbandingan antara Taksonomi Bloom dengan Taksonomi Badri (Norillah & Sharifah Sariah, 2012), kajian perbandingan antara Taksonomi Bloom dengan Taksonomi Lorin Anderson dan Taksonomi Wilson (Eman Ghanem Nayef et al., 2013) dan seumpamanya. Eman Ghanem Nayef et al., (2013) menyatakan bahawa Taksonomi Bloom adalah taksonomi yang paling sesuai digunakan oleh guru sebagai rujukan bagi pentaksiran dan lain-lain.

Ada juga kajian mengenai Taksonomi Bloom dikupas dari perspektif Islam. Contohnya, Nursyahrah et al., (2018) menyenaraikan taksonomi yang dibuat oleh sarjana Islam seperti Imam

### Article Progress

Received: 13 August 2018

Revised: 23 October 2018

Accepted: 30 October 2018

al-Ghazali. Menurutnya, Imam al-Ghazali membahagikan kemahiran berfikir kepada empat aras, iaitu; *Ulum Nazoriyyah*, *Ulum Dhururiyyah*, *Ulum Tajribiyyah* dan *Ulum A'waqibih*. Norfadiah dan Ahmad Tijani (2015) pula merangka model kemahiran berfikir dalam Islam dengan meletakkan ijtihad sebagai kemahiran berfikir aras tinggi dan menjadikan *tadabbur*, *tafqih*, *tafakkur*, *ta'qil* dan *tazakkur* sebagai pusat pemikiran. Syed Zainal Abidin et al., (2013) pula menyatakan bahawa terdapat enam tingkat pemahaman berdasarkan pelbagai kajian oleh sarjana Islam yang lebih komprehensif berbanding Taksonomi Bloom. Enam tingkat itu ialah; tajwid, tilawah, tafsir, *tawassum*, *tafakkur* dan *tadabbur*. Jamal Badi dan Mustapha Tajdin (2004) pula menyatakan bahawa terdapat banyak perkataan yang digunakan dalam al-Quran yang sama erti dengan tafakkur, iaitu; *nadhar*, *tabassur*, *tadabbur*, *tafaqquh*, *tazakkur*, *i'tibar*, *taaqquf* dan *tawassum*.

Syed Zainal Abidin et al., (2013) menjelaskan bahawa terlalu banyak penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk memahami lebih lanjut tentang istilah-istilah yang ada pada setiap tingkat pemikiran itu kerana keunikan bahasa Arab. Maka, kertas konsep ini ditulis dengan melihat kepada lapan istilah yang merujuk kepada konteks berfikir dalam al-Quran. Istilah yang dikaji adalah *tafakkur*, *tadabbur*, *tafaqquh*, *i'tibar*, *tawassum*, *taaqquf*, *tazakkur* dan *tafahhum*. Penulis membataskan kajian terhadap lapan istilah tersebut sahaja tanpa mengkaji sebahagian istilah lain. Contohnya, istilah yang disenaraikan oleh sarjana lain seperti *nadhar* dan *tabassur* yang dimasukkan sebagai sebahagian daripada konsep berfikir (Jamal Badi & Mustapha Tajdin 2004). Ini kerana penulis berpandangan istilah tersebut lebih mirip kepada berfikir melalui perantaraan pancaindera dan boleh dikaji dari sudut yang lain.

Penulis juga tidak mengkaji dari sudut maksud istilah-istilah tersebut secara terperinci dengan melihat wazan tatabahasa seperti mana yang dibincangkan oleh para sarjana. Penulis hanya menyebut maksud istilah tersebut secara umum yang diambil daripada kamus-kamus bahasa Arab. Namun, fokus penulis adalah kepada topik kandungan dalam ayat al-Quran yang mengandungi istilah tersebut. Penulis menyenaraikan sebahagian besar ayat al-Quran yang mengandungi istilah-istilah tersebut, kemudian mengategorikan ayat-ayat al-Quran kepada tema-tema berdasarkan topik yang Allah bahaskan sekitar istilah tersebut. Penulis juga merujuk tafsir Al-Quran bagi memastikan tema tersebut berada dalam ruang lingkup tafsiran yang betul. Seterusnya, kaitan antara kesemua istilah dengan tema-tema yang terbentuk dibincangkan pada akhir artikel ini

## Tafakkur

Dalam al-Mukjam al-Ghaniy (1434 H), tafakkur didefinisikan sebagai berfikir tentang sesuatu perkara atau memusatkan pemikiran terhadap sesuatu perkara. Allah menggunakan perkataan tafakkur pada 18 ayat dalam al-Quran (Jamal Badi & Mustapha Tajdin, 2004). Ada empat tema yang muncul daripada penggunaan tafakkur berdasarkan isi kandungan al-Quran, iaitu;

### 1. Tafakkur tentang ajaran rasul dan al-Quran

Allah menyuruh manusia supaya bertafakkur tentang kebenaran ajaran Rasulullah dan al-Quran (16:44). Secara terperinci kepada kebenaran Rasulullah, Allah mempersoalkan golongan Musyrikin yang tidak mahu bertafakkur dan menerima hakikat bahawa Rasulullah adalah seorang nabi dan bukannya seorang gila (7:184). Kemudian Allah meminta mereka bertafakkur dalam erti kata mempertimbangkan baik atau buruknya ajaran Islam itu (34:46). Begitu juga dengan ajaran al-Quran, bila mana Allah membandingkan manusia dan gunung. Lalu, Allah mengatakan bahawa, jika al-Quran diturunkan ke atas sebuah gunung, nescaya gunung itu akan khusyuk dan pecah kerana takut kepada Allah (59:21).

### 2. Bertafakkur tentang langit dan bumi

Allah menyebut bahawa orang yang bertafakkur tentang segala yang ada di langit dan bumi akan mendapati bahawa ada padanya tanda kemurahan dan kekuasaan Allah (45:13). Antara contoh apa-apa yang ada di langit dan bumi, yang dikaitkan dengan tafakkur ialah:

- Bertafakkur tentang perbandingan kehidupan dunia seperti air hujan yang turun dari langit dan menumbuhkan pelbagai pokok dan memberi minum dan makan kepada manusia dan binatang, akhirnya dimusnahkan seperti ia tidak ada sebelumnya (10:24).
- Bertafakkur tentang kitaran kehidupan buah-buahan seperti zaitun, kurma dan anggur yang tumbuh selepas hujan akan mendapati bahawa ia sebagai sebahagian tanda kekuasaan Allah (16:11)
- Bertafakkur tentang harta yang Allah kurniakan berbentuk kebun kurma dan anggur serta buah-buahan lain yang subur, akhirnya dimusnahkan oleh angin taufan yang membawa api sehingga hancur musnah kebun itu, sebagai bandingan kepada orang yang kedekut dengan hartanya (2:266).

Ayat 24 surah Yunus dan ayat 11 surah an-Nahl turut menyebut tentang peranan hujan yang diturunkan ke bumi untuk menyuburkan tanah dan menumbuhkan tumbuh-tumbuhan serta memberi minum kepada manusia dan binatang. Ayat 266 surah al-Baqarah pula menyebut tentang angin taufan yang membawa api yang akan memusnahkan kebun buah-buahan. Ketiga-tiga ayat ini secara kasarnya menyebut tentang jangka hayat sesuatu kehidupan itu seperti yang disebutkan dalam ayat 8 surah ar-Rum. Allah perincikan lagi tentang kematian dengan menyatakan:

Allah (Yang Menguasai Segala-galanya), Ia mengambil dan memisahkan satu-satu jiwa dari badannya, jiwa orang yang sampai ajalnya semasa matinya, dan jiwa orang yang tidak mati: dalam masa tidurnya; kemudian Ia menahan jiwa orang yang Ia tetapkan matinya dan melepaskan balik jiwa yang lain (ke badannya) sehingga sampai ajalnya yang ditentukan (Abdullah Basmeih, 2011; 39:42)

Allah turut menyebut bahawa orang yang bertafakkur akan mendapati bahawa menjadi tanda kekuasaan Allah apabila Allah menjadikan manusia yang berpasang-pasangan serta perasaan yang ada antara pasangan-pasangan manusia (30:21). Bukan itu sahaja. Allah turut menyebut rahsia alam dalam ayat 3 surah ar-Ra'd bahawa buah-buahan dan kejadian alam turut mempunyai pasangan. Contohnya kejadian alam adalah seperti kejadian siang dan malam.

Segala yang diciptakan Allah daripada kejadian langit dan bumi tidak sia-sia dan orang yang bertafakkur tentangnya diiktiraf sebagai Ulul Albab (3:191). Allah menghuraikan lagi contoh kejadian langit dan bumi yang tidak dijadikan sia-sia, seperti:

- Makanan dari bunga dan buah serta kajian yang dijalankan terhadap makanan tersebut, seperti madu yang dihasilkan dari dalam lebah menjadi tanda kemurahan Allah bagi orang yang bertafakkur (16:69).
- Arak dan judi yang ada lebih banyak mudarat berbanding kebaikan serta derma daripada harta yang lebih supaya manusia bertafakkur (2:219).

Demikian Allah ceritakan tentang kegunaan yang ada pada segala ciptaan-Nya. Allah turut menyebut tentang kepentingan bertafakkur tentang kegunaan yang sebenar terhadap segala ciptaan yang ada di langit dan bumi dalam ayat 8 surah ar-Rum.

### 3. Bertafakkur dengan perumpamaan yang Allah berikan

Allah S.W.T. turut memberikan beberapa perumpamaan dan dikaitkan dengan tafakkur. Hal ini kerana orang yang bertafakkur diumpamakan seperti orang yang celik, manakala orang yang tidak

bertafakkur diumpamakan seperti orang buta (6:50). Antara contoh lain perumpamaan yang dibuat oleh Allah ialah:

- Bertafakkur tentang perumpamaan seperti sifat khusuk dan takut gunung apabila diturunkan kepadanya al-Quran (59:21).
- Bertafakkur tentang harta yang Allah kurniakan berbentuk kebun kurma dan anggur serta buah-buahan lain yang subur, akhirnya dimusnahkan oleh angin taufan yang membawa api sehingga hancur musnah kebun itu, sebagai perumpamaan kepada orang yang kedekut dengan hartanya (2:266).
- Bertafakkur tentang perumpamaan kehidupan dunia seperti air hujan yang turun dari langit dan menumbuhkan pelbagai pokok dan memberi minum dan makan kepada manusia dan binatang, akhirnya dimusnahkan seperti ia tidak ada sebelumnya (10:24).
- Bertafakkur tentang perumpamaan orang yang mendustakan ayat Allah dengan anjing yang sentiasa menjulurkan lidahnya (7:176)

## Tadabbur

Menurut al-Mukjam al-Ghaniy (1434 H), tadabbur bermaksud berfikir dan memberikan perhatian kepada sesuatu perkara. Manakala, al-Mukjam al-Lughah al-Arabiyyah al-Muasoroh (2008) pula memaparkan tadabbur bermaksud tindakan hati dengan melihat kepada dalil. Hanya satu tema sahaja yang muncul daripada penggunaan tadabbur berdasarkan isi kandungan dalam al-Quran, iaitu: tadabbur dengan al-Quran.

Allah S.W.T. menyebut melalui ayat 29 surah Saad bahawa Dia turunkan al-Quran agar Rasulullah dan umatnya dapat bertadabbur dengannya. Oleh kerana itu, Allah mempersoalkan mereka yang tidak mahu bertadabbur dengan al-Quran melalui ayat 82 surah an-Nisa', sedangkan al-Quran itu jelas datangnya daripada Allah. Buktinya disebutkan sendiri oleh Allah, iaitu jika al-Quran itu direka oleh manusia, maka sudah tentu ada banyak perselisihan dalam isi kandungan yang ada dalamnya (4:82). Allah turut menyebut antara sebab orang tidak mahu mentadabbur al-Quran, iaitu kerana mereka telah menutup hati mereka (47:24).

Ayat 68 surah al-Mukminun menarik perhatian penulis kerana Allah menggunakan perkataan *tadabbur al-Qaul* (القول), berbanding tadabbur al-Quran yang ada pada tiga ayat selainnya. Namun, untuk ayat ini, para mufassir cenderung untuk menggunakan *tafsir al-Quran bil Quran*, lalu menafsirkan al-Qaul sebagai al-Quran (Ibn Katsir, 2008; al-Qurtubi, 1988). Oleh itu, tema yang sama muncul, iaitu tadabbur dengan al-Quran. Walau bagaimanapun, penulis tertarik dengan tafsir yang dinyatakan oleh Wahbah az-Zuhaili (2009) yang menyebut tafsiran sebagai:

Maka apakah mereka tidak memerhatikan dan merenungkan al-Quran yang membuktikan kebenaran Nabi Muhammad agar mereka mengetahui bahawa al-Quran adalah haq dan benar-benar berasal dari sisi tuhan mereka dengan kemukjizatan bahasanya dan kejelasan makna dan pengertiannya.

Daripada tafsiran ini, dapat difahami bahawa tadabbur al-Quran itu sama seperti tadabbur ajaran Rasulullah. Hal ini kerana, melalui ayat ini, seolah-olah Allah mempersoalkan orang yang tidak mahu mentadabbur al-Quran melalui ajaran Rasulullah. Kononnya, ajaran Rasulullah melalui al-Quran itu tidak dapat difahami atau ajaran Rasulullah itu tidak pernah diajarkan oleh datuk dan nenek mereka dahulu. Walhal, mereka tinggal di Mekah yang diasaskan oleh Nabi Ibrahim dan keluarganya. Maka, mustahil mereka tidak pernah mendengar ajaran yang dibawa oleh Rasulullah kerana ajaran semua nabi itu sama, iaitu ajaran mentauhidkan Allah. Nenek moyang mereka juga pasti pernah mengajarkan ajaran yang sama. Buktinya, terdapat ritual keagamaan yang masih

diamalkan ketika kedatangan Rasulullah, seperti ibadah haji dan ibadah korban. Cuma, mereka mengubahsuai ajaran tersebut sehingga melakukan syirik kepada Allah.

### Tafaqquh

Menurut al-Mukjam al-Ghaniy (1434 H), tafaqquh bermaksud pemahaman yang mengagumkan terhadap sesuatu ilmu. Ada empat tema yang muncul daripada kandungan ayat yang menggunakan perkataan tafaqquh, iaitu;

#### 1. Tafaqquh terhadap kekuasaan Allah

Allah S.W.T. menyebut bahawa manusia perlu bertafaqquh mengenai Allah yang merupakan pemilik segala perbendaharaan yang ada di langit dan di bumi (63:7). Maka, dengan itu, tiada sesiapa yang berkuasa memberi atau menyekat pemberian sesiapa terhadap sesiapa yang lain. Secara terperincinya, Allah memberikan beberapa contoh keperluan tafaqquh manusia mengenai kekuasaan-Nya, seperti;

- Bertafaqquh mengenai kekuasaan Allah memberi nikmat dan musibah kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (4:78).
- Bertafaqquh mengenai kekuasaan Allah mengazab manusia (6:65).
- Bertafaqquh mengenai kekuasaan Allah mencipta manusia daripada Adam sebagai manusia pertama dan daripada ayah dan ibu bagi manusia selainnya (6:98).

Jika manusia tidak dapat bertafaqquh mengenai kekuasaan Allah, hakikatnya adalah kerana dalam hati mereka ada rasa takut kepada selain Allah (59:13).

#### 2. Ciri munafik adalah tidak bertafaqquh

Allah menyifatkan orang munafik sebagai kaum yang tidak bertafaqquh. Ciri munafik yang tidak bertafaqquh mengakibatkan terjadinya perkara berikut:

- Mereka mengaku diri mereka beriman, namun mereka sebenarnya kufur (63:3).
- Mereka meninggalkan majlis Rasulullah apabila turun ayat yang menceritakan keburukan mereka (9:127).
- Mereka tidak suka berjihad sama ada dengan harta mahu pun jiwa mereka dan suka menghasut orang lain untuk turut serta bersama dengan mereka agar tidak bersama Rasulullah dalam seruan jihad baginda (9:81).
- Mereka menyatakan hasrat untuk sama berjihad apabila mengetahui adanya habuan dunia (ghanimah) semata-mata (48:15).
- Mereka menghasut orang lain agar tidak menginfakkan harta mereka untuk orang-orang yang bersama dengan Rasulullah agar orang yang bersama dengan Rasulullah akan meninggalkannya (63:7).

#### 3. Tafaqquh dengan bahasa

Allah turut menggunakan perkataan tafaqquh dengan maksud memahami bahasa atau percakapan. Contohnya:

- Doa Nabi Musa agar kaumnya memahami percakapannya (20:28).
- Zulkarnain tidak dapat memahami bahasa percakapan satu kaum (18:93) yang sedang berhadapan dengan ancaman Yakuj dan Makjuj.

- Manusia tidak dapat memahami tasbih makhluk lain yang ada di langit dan bumi (17:44).

Hasil daripada memahami sesuatu percakapan, maka manusia dapat menghayati sesuatu ajaran. Allah turut menggunakan perkataan tafaqquh untuk merujuk kepada maksud hayati. Contohnya:

- Kaum Nabi Syuaib yang tidak dapat menghayati ajaran Nabi Syuaib (11:91).
- Ketika orang yang beriman keluar untuk berperang, maka tinggallah satu golongan yang akan mendalami dan menghayati ilmu agama agar mereka dapat mengajar kepada orang yang pergi berperang setelah mereka pulang daripada medan peperangan (9:122).

### 1. Qulub sebagai tempat tafaqquh

Al-Qulub, iaitu hati diiktiraf sebagai tempat berlakunya proses tafaqquh. Allah mengulang perkara tersebut sebanyak sekurang-kurangnya enam kali dalam al-Quran, iaitu dalam; 1) ayat 87 surah at-Taubah, 2) ayat 3 surah al-Munafiqun, 3) ayat 46 surah al-Isra', 4) ayat 57 surah al-Kahfi, 5) ayat 179 surah al-A'raf, dan 6) ayat 25 surah al-An'am.

Berdasarkan penelitian, penulis mendapati apabila Allah menyebut tentang hati yang tidak bertafaqquh, Allah akan susuli dengan telinga yang tidak mendengar atau pekak dan meletakkan sifat yang lain. Contohnya:

- Mereka adalah orang yang paling zalim iaitu orang yang apabila diberi ingatan dengan ayat-ayat Allah, mereka berpaling daripadanya. Mereka tidak akan mendapat petunjuk (18:57).
- Mereka diibaratkan sebagai lebih buruk daripada binatang ternakan. Bahkan, mereka dijanjikan balasan neraka oleh Allah (7:179).
- Mereka tidak akan beriman kepada Rasulullah dan al-Quran dan menganggap al-Quran sebagai kisah dongeng orang-orang terdahulu (6:25).
- Mereka akan melarikan diri apabila dibacakan al-Quran kepada mereka (17:46).

## Iktibar

Menurut Lisan al-Arab (1414 H), iktibar bermaksud pengajaran tentang apa-apa yang diberitakan atau dikerjakan oleh seseorang dan menjadi contoh kepada orang lain. Menurut al-Mukjam al-Lughah al-Arabiyyah al-Muasoroh (2008) pula, iktibar bermaksud mempertimbangkan hakikat sesuatu perkara daripada pelbagai sudut pendalilan, untuk mengetahui persepsi dari sudut yang lain. Ada empat tema yang muncul daripada penggunaan iktibar berdasarkan isi kandungan dalam al-Quran, iaitu:

### 1. Iktibar daripada kisah para rasul dan musuh mereka yang pasti ditimpa azab

Allah menyebut melalui ayat 111 surah Yusuf bahawa Dia menceritakan kisah para rasul supaya menjadi iktibar bagi Ulul Albab. Orang yang mendustakan rasul mereka pasti akan ditimpa azab (12:110). Kemudian, Allah ceritakan satu contoh dalam ayat 15-26 surah an-Naziat, kisah Firaun yang ingkar dan menentang usaha dakwah Nabi Musa sehingga kemuncaknya dia mengaku dirinya sebagai tuhan. Akhirnya, dia diazab dengan azab yang sangat menakutkan. Kisah ini adalah sebagai iktibar bagi orang yang takut melanggar hukum Allah (79:26).

## 2. Iktibar daripada kisah peperangan Rasulullah dengan musuh

Tema ini sebenarnya adalah kesinambungan daripada tema 1 kerana Rasulullah juga adalah rasul seperti Nabi Musa dan rasul-rasul yang lain. Namun, penulis mengasingkannya kerana apabila meneliti surah an-Naziat, Allah menceritakan tentang Firaun yang tidak menerima dakwah Nabi Musa dan dia syirik dengan mengaku dirinya sebagai tuhan. Lalu, Allah mengazabnya dengan azab yang menakutkan. Sebaliknya, kisah peperangan Rasulullah pula, dalam ayat 2 surah al-Hasyr, Allah menceritakan tentang Yahudi Bani Nadhir yang menyangka mereka mampu bertahan daripada serangan Rasulullah kerana bilangan dan pertahanan mereka yang kuat, namun Allah mengazab mereka dengan rasa gerun dan cemas sehingga akhirnya mereka membinasakan diri mereka sendiri. Begitu juga dengan kisah peperangan Rasulullah dengan kafir dalam ayat 13 surah Ali Imran, iaitu tentang kekuasaan dan kehendak Allah yang menjadikan kuat sesiapa yang Dia kehendaki dan melemahkan sesiapa yang Dia kehendaki. Walau bagaimanapun, tema 1 dan tema 2 ini tetap saling berkait kerana:

- Rasulullah adalah rasul seperti Nabi Musa dan rasul-rasul yang lain
- Rasa cemas dan gerun yang Allah campakkan ke hati musuh Islam ketika memerangi Rasulullah adalah azab di dunia, manakala azab yang ditimpakan kepada Firaun seperti yang diceritakan dalam surah an-Naziat pula adalah azab di akhirat.

Menariknya tentang tema 1 dan tema 2 ini, ia menunjukkan bahawa iktibar sesuai digunakan untuk sejarah atau kisah-kisah yang telah berlaku, terutamanya daripada kisah para nabi. Secara khusus bagi sirah Rasulullah, ia sesuai dengan ilmu Fiqh Sirah, iaitu ilmu yang mengkaji iktibar daripada setiap peristiwa yang berlaku dalam perjalanan hidup Rasulullah S.A.W.

## 3. Iktibar daripada pertukaran siang dan malam

Iaitu melalui firman Allah dalam ayat 44 surah an-Nur. Ibn Katsir (2008) dalam tafsirnya menyebut bahawa Allah mengatur pertukaran siang dan malam dengan menjadikan waktu siang lebih lama daripada malam, kemudian menukar tempoh tersebut dengan menjadikan waktu malam lebih lama daripada siang. Semuanya terjadi dengan perintah, kekuasaan, keagungan dan ilmu-Nya supaya menjadi iktibar bagi Ulul Albab.

## 4. Iktibar daripada binatang ternakan

Allah menyebut dalam dua ayat iaitu ayat 21 surah al-Mukminun dan ayat 66 surah an-Nahl tentang iktibar yang dapat diperoleh daripada binatang ternakan. Iktibarnya adalah, susu yang manusia minum diambil daripada binatang ternakan. Susu tersebut terhasil daripada perut binatang, selain daripada faedah-faedah lain yang ada pada binatang tersebut (23:21). Allah huraikan lagi dalam ayat 66 surah an-Nahl tentang sumber susu tersebut, iaitu lahir daripada hampas makanan dan darah. Kemudian Dia ceritakan sifat susu tersebut, iaitu bersih, mudah diminum dan sedap (16:66).

Sebenarnya, tema ini seperti saling berkait dengan tema 3 kerana binatang ternakan dan kejadian siang dan malam termasuk dalam kejadian langit dan bumi. Bezanya adalah kejadian siang dan malam tidak dihuraikan secara terperinci sepertimana binatang ternakan.

## Tawassum

Al-Mukjam al-Lughoh al-Arabiyyah al-Muasoroh (2008) dan al-Mukjam al-Ghaniy (1434 H) menyebut tawassum sebagai menjelaskan kesan yang ada pada sesuatu. Hanya ada satu ayat dalam

al-Quran yang menyebut tentang tawassum, iaitu firman Allah dalam surah al-Hijr (15:75). Dalam ayat ini, Allah menggunakan kata nama (الاسم) dan bukannya kata kerja (الفعل).

Al-Qurtubi (1988) menafsirkan *al-mutawassimin* sebagai orang yang memerhatikan tandanya. Menariknya tentang tawassum adalah, ia berasal dari perkataan *tawasama* (تواسم) menggunakan wazan *tafa'ul* (تفاعل), yang bermaksud tanda yang dijadikan petunjuk kepada apa-apa yang menjadi konklusi kepada yang lain (al-Qurtubi, 1988).

Ia sesuai dengan penggunaan perkataan *mutawassimin* dalam ayat 75 surah al-Hijr kerana hanya *mutawassimin* sahaja yang akan memerhati dan merenungi azab yang Allah timpakan kepada kaum Nabi Lut. Hal ini kerana kesan azab tersebut masih dapat dilihat di kota Sadum sehingga kini.

## Tazakkur

Al-Mukjam al-Lughah al-Arabiyyah al-Muasoroh (2008) mendefinisikan tazakkur sebagai peringatan dan iktibar. Ada banyak ayat dalam al-Quran yang menggunakan perkataan tazakkur. Antara tema yang muncul ialah:

### 1. Tazakkur dengan maksud peringatan dan pengajaran

Kebanyakan ayat difokuskan kepada maksud peringatan (88:21; 87:9; 37:13; 80:4; 87:10; 80:12; 74:55; 51:55; 77:5; 74:54; 80:11; 2:152; 33:41; 87:15; 20:3; 79:35; 69:48; 40:54; 81:27; 38:87; 89:23; 68:52; 69:42; 50:8; 38:8; 13:28; 54:40; 54:32; 28:51; 56:73; 52:29; 20:44; 38:11; 43:44; 76:29; 25:73; 25:62; 12:104; 39:27; 11:114) dan pengajaran (50:37; 53:29; 21:48; 43:36; 25:73; 36:69; 38:43). Peringatan itu akan memberikan keinsafan (23:85). Oleh kerana itu, al-Quran turut dinamakan sebagai at-Tazkirah (74:49) atau az-Zikr (15:9; 15:6; 41:41; 68:51; 16:44). Peringatan itu sangat penting dan memberi manfaat (51:55), terutamanya bagi menghadapi al-hisab di hari akhirat kelak (38:49).

### 2. Tazakkur dengan maksud ingat

Banyak juga ayat yang jika dilihat menunjukkan maksud dari sudut bahasa, iaitu zikir dengan maksud ingat Allah (20:34; 2:152; 33:41; 13:28; 20:42; 2:200; 39:45; 20:14; 18:101; 2:198; 8:45; 2:239; 33:21; 62:10; 58:19; 63:9; 22:35; 8:2; 24:7; 4:142; 26:227; 39:26) serta ingat nama-Nya (6:118; 73:8; 76:25; 5:4; 22:40; 87:15; 24:36; 22:28; 22:34; 2:114; 6:138), ingat kepada hari akhirat (38:46), ingat kepada nikmat Allah (14:6; 5:11; 3:103; 2:231; 5:110; 2:40; 5:7; 35:5; 5:20; 33:9; 6:121) dan ingat ayat Allah (32:22; 18:57).

### 3. Tazakkur dengan maksud fikir

Menarik apabila Allah menyebut supaya bertanya kepada ahli zikir jika ingin mengetahui sesuatu perkara (21:7; 16:43). Allah turut mengaitkan perbuatan bertazakkur dengan Ulul Albab (2:269; 13:19; 40:54; 38:29; 14:52; 38:43; 39:9; 39:21; 3:7) iaitu golongan yang mempunyai akal fikiran. Maka, ada beberapa topik yang Allah gesa supaya bertazakkur, iaitu;

- Tazakkur supaya mengakui bahawa Allah tidak sama dengan makhluk lain yang disembah kerana makhluk tidak mampu mencipta sesuatu sepertimana Allah (16:17)
- Tazakkur dengan mengakui bahawa Allah sahaja penolong dan pemberi syafaat kerana Dia Maha Berkuasa mencipta langit dan bumi serta segala isinya dalam enam masa dan Dia bersemayam atas Arasy (32:4)
- Tazakkur kepada kekuasaan Allah yang mencipta manusia daripada tiada dan sangat mudah bagi Allah membangkitkan semula manusia selepas matinya (19:67)

- Tazakkur kepada umur yang panjang yang telah diberikan oleh Allah kepada manusia
- Tazakkur bahawa Allah berkuasa menimpakan azab seperti kemarau dan kekurangan buah-buahan kepada Firaun supaya mereka insaf (7:130)
- Tazakkur kepada kekuasaan Allah yang mencipta malam dan siang (25:62).
- Tazakkur bahawa tujuan Allah menurunkan al-Quran dalam bahasa Arab adalah untuk memudahkan umat Nabi Muhammad memahami kandungannya (44:58).
- Tazakkur kepada hujah dalam al-Quran supaya tidak berlaku kufur (25:50)
- Tazakkur kepada hujah yang pelbagai dalam al-Quran agar manusia dapat menetapkan akidah tauhid mereka (17:41)
- Tazakkur agar dapat mengakui bahawa al-Quran itu benar (13:19)
- Tazakkur kepada kandungan ayat al-Quran yang mengandungi banya faedah dan manfaat (38:29)

Kesimpulannya, tazakkur dengan maksud fikir mempunyai tiga topik umum, iaitu; tazakkur kepada ketauhidan Allah, tazakkur kepada kekuasaan Allah dan tazakkur kepada hujah dalam kandungan al-Quran.

### Taaqqlul

Al-Mukjam ‘Arabiyy ‘Ammah menyebut taaqqlul sebagai *tafakkur, tadabbur*, faham dan tahu. Ada 49 ayat yang menggunakan perkataan taaqqlul dalam al-Quran. Daripada 49 ayat, sebanyak tujuh tema yang muncul, iaitu:

#### 1. Taaqqlul tentang kekuasaan Allah

Tema ini adalah tema yang paling dominan dalam penggunaan perkataan taaqqlul. Antara kekuasaan Allah yang disuruh untuk ditaaqqlul ialah:

- Taaqqlul tentang kejadian manusia yang bermula dari tanah dan meningkat dewasa dan akhirnya mati (40:67).
- Taaqqlul tentang manusia yang semakin lemah apabila tua (36:88)
- Taaqqlul tentang kejadian orang mati yang hidup setelah dipukul dengan sebahagian anggota lembu (2:73).
- Taaqqlul tentang bumi yang dihidupkan sesudah mati (57:17).
- Taaqqlul tentang kekuasaan Allah yang menghidup dan mematikan serta menentukan siang dan malam (23:80).
- Taaqqlul tentang penurunan hujan dari langit dan menumbuhkan tumbuhan selepas matinya dengan air hujan tersebut (29:63)
- Taaqqlul tentang Allah yang menjadikan yang halal dan yang haram dari bahan yang sama seperti kurma dan anggur (16:67)
- Taaqqlul tentang pertukaran siang dan malam, matahari serta bulan dan bintang-bintang (16:12)
- Taaqqlul tentang langit dan bumi, pertukaran malam dan siang, kapal yang terapung, hujan yang menumbuhkan tumbuhan dan memberi minum kepada binatang serta peredaran angin dan awan (2:164).
- Taaqqlul tentang kekuasaan Allah yang memiliki timur dan barat dan segala isinya (26:28)
- Taaqqlul tentang malam dan siang, rezei dari langit, tumbuhan sesudah mati dan peredaran angin (45:5).
- Taaqqlul tentang kilat, hujan dan menghidupkan bumi sesudah mati (30:24).

- Taaqqlu tentang tanah yang berbeza, tumbuh darinya kebun anggur dan kurma yang berbeza walaupun disiram dengan air yang sama (13:4)

## 2. Taaqqlu tentang Fikah, Akidah dan Akhlak.

Allah menerangkan hukum-hakam Fikah agar manusia dapat bertaaqqlu (2:242). Selain itu, Allah turut menggesa manusia supaya bertaaqqlu tentang Akidah. Antaranya, bertaaqqlu mengenai sembahaman (Allah dan benda lain) (21:67). Allah memerintahkan manusia yang bertaaqqlu supaya menyembah Allah dan tidak berlaku syirik (6:151). Namun, ramai manusia menyembah syaitan (36:60) dan syaitan menyesatkan ramai orang. Maka, taaqqullah akibat daripada perbuatan mereka (36:62). Hal ini kerana, orang yang tidak bertaaqqlu tentang ajaran nabi akan merasa menyesal kerana mereka akan masuk ke dalam neraka (67:10). Sudah tentu semua nabi membawa ajaran Akidah yang sama, seperti ajaran Nabi Ibrahim (3:65), ajaran Rasulullah (10:16) dan ajaran Nabi Hud yang disampaikan tanpa sebarang upah (11:51).

Dari sudut Akhlak pula, Allah memerintahkan manusia supaya bertaaqqlu tentang perbuatan berbuat baik kepada ibu bapa, larangan membunuh anak, larangan menghampiri zina dan larangan membunuh tanpa sebab yang diharuskan syarak (6:151).

## 3. Taaqqlu tentang al-Quran

Allah menyuruh manusia supaya bertaaqqlu tentang al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab (43:3; 12:10). Selain itu, Allah turut menggesa manusia supaya memahami isi kandungan al-Quran kerana ia mengandungi banyak perkara yang menimbulkan kebaikan untuk manusia (21:10).

## 4. Taaqqlu tentang perumpamaan yang Allah berikan.

Allah menggalakkan manusia untuk bertaaqqlu tentang perumpamaan yang telah Allah berikan (29:43). Antara contoh perumpamaan ialah:

- Orang yang mensyirikkan Allah diumpamakan seperti labah-labah yang membina sarang sebagai tempat perlindungan (29:41).
- Orang yang tidak mahu menggunakan telinga dan akal lebih teruk daripada binatang (25:44).

## 5. Taaqqlu tentang tanda-tanda kaum terdahulu

Allah menggalakkan manusia untuk mengembara di muka bumi agar hati dapat bertaaqqlu dan telinga dapat mendengar kesan-kesan kebinasaan kaum terdahulu (22:46; 12:109). Antara kesan yang dapat dilihat adalah kesan kemusnahan kaum Lut (37:137 – 138).

## 6. Sifat orang yang tidak bertaaqqlu

Allah turut menyebut sifat orang yang tidak bertaaqqlu, seperti:

- Orang yang tidak bertaaqqlu mengadakan dusta terhadap Allah (5:103)
- Orang yang tidak bertaaqqlu sama seperti orang pekak, bisu dan buta (2:171)
- Orang yang tidak bertaaqqlu adalah sejahat-jahat makhluk (8:22)
- Orang yang tidak mahu bertaaqqlu tentang ajar nabi tidak akan sekali-kali mendapat hidayah (10:42)
- Orang yang tidak bertaaqqlu akan mengejek-ngejek dan mempermudahkan solat (5:58)

- Orang yang tidak bertaaqquл mengenai kebenaran pasti tidak berani memerangi orang Islam dan mereka saling bermusuhan antara mereka (59:14).
- Orang yang tidak bertaaqquл akan diazab (10:100)

## 7. Taaqquл tentang kehidupan akhirat

Allah menyuruh manusia supaya bertaaqquл tentang kebaikan akhirat jika dibandingkan dengan kehidupan dunia (6:32). Kehidupan akhirat lebih baik bagi orang yang bertakwa (12:109). Allah turut menyuruh manusia agar bertaaqquл tentang diri sendiri yang menyuruh orang lain berbuat kebaikan, sedangkan diri sendiri tidak melakukan kebaikan tersebut (2:44). Keadaan tersebut akan menjadi hujah untuk mendakwa diri sendiri di akhirat kelak (2:76).

## Tafahhum

Menurut Al-Mukjam al-Ghaniy (1434 H), tafahhum bermaksud jalan untuk memahami sesuatu pandangan dan untuk memahami sesuatu perkara ke sesuatu perkara secara beransur-ansur. Hanya satu ayat al-Quran yang menggunakan perkataan tafahhum, iaitu dalam surah al-Anbiya' (21:79) melalui firman Allah yang bermaksud:

Maka Kami beri Nabi Sulaiman memahami hukum yang lebih tepat bagi masalah itu; dan masing-masing (dari mereka berdua) Kami berikan hikmat kebijaksanaan dan ilmu (yang banyak); dan Kami mudahkan gunung-ganang dan unggas memuji Kami bersama-sama dengan Nabi Daud; dan adalah Kami berkuasa melakukan semuanya itu (Abdullah Basmeih, 2011).

Daripada ayat ini, dapat difahami bagaimana Allah membenarkan ijтиhad yang berbeza berdasarkan sudut pandangan dan kefahaman dari dua orang yang berbeza. Hanya Allah Yang Maha Benar dan Maha Mengetahui kebenaran sebenar, lalu Dia memutuskan bahawa ijтиhad Nabi Sulaiman dalam kes yang dibincangkan itu lebih tepat.

## Hubungan Antara Istilah Berfikir Dan Tema


Berdasarkan perbincangan kesemua istilah ini, dapat difahami bahawa terdapat istilah berfikir tertentu yang Allah gunakan pada tema atau topik tertentu dalam al-Quran. Ringkasan perbincangan tersebut dirangkumkan dalam Jadual 1.0;

Jadual 1.0: Hubungan antara istilah berfikir dan tema

Tema/Istilah	tafakkur	tadabbur	tafaqquh	iktilbar	tawassum	tazakkur	taaqquл	tafahhum
Ajaran Rasul dan al-Quran	/	/			/	/		
Fikah, Akidah dan Akhlak							/	
Qulub tempat faham			/					
Memutuskan hukum atas sesuatu situasi							/	
Kekuasaan Allah			/		/	/		
Kehidupan akhirat							/	
Langit dan bumi		/						
Pertukaran siang dan malam			/				/	
Binatang ternakan				/				
Bahasa				/				
Perumpamaan		/					/	
Maksud peringatan dan pengajaran						/		

Maksud ingat	/
Maksud fikir	/
Memerhati tanda-tanda kisah kaum terdahulu yang ditimpa azab oleh Allah	/ /
Kisah para rasul dan musuh mereka yang pasti ditimpa azab	/
Kisah peperangan Rasulullah dengan musuh	/
Ciri munafik yang tidak suka berfikir	/
Sifat orang tidak berfikir	/

Selain itu, dapat disimpulkan bahawa konsep tafakkur adalah konsep pemikiran yang paling menyeluruh. Ia meliputi sesuatu yang bersifat umum dan khusus. Contohnya, apabila Allah menggesa manusia supaya bertafakkur pada kekuasaan-Nya (45:13) secara umum, Dia turut memberikan contoh kekuasaan-Nya secara terperinci seperti kitaran kehidupan manusia dan binatang (10:24) dan buah-buahan (16:11; 2:266). Keadaan ini berbeza dengan konsep-konsep lain seperti iktibar, apabila Allah terus memberikan gambaran secara terperinci seperti pertukaran siang dan malam (24:44). Konsep tafakkur ini boleh diibaratkan seperti kaedah induktif dan deduktif dalam ilmu pemikiran (Rujuk rajah 1.0).



Rajah 1.0: Konsep tafakkur dan hubungannya dengan kaedah induktif dan deduktif


Ada juga satu topik yang sama disebutkan oleh Allah menggunakan beberapa istilah. Sebagai contoh topik kepatuhan kepada ajaran al-Quran dan rasul yang disebutkan oleh Allah menggunakan istilah *tafakkur*, *tadabbur*, *taaqql* dan *tazakkur*. Begitu juga apabila Allah mendarangkan perumpamaan, istilah *tafakkur* dan *taaqql* digunakan. Di samping itu, kita dapat fahami bahawa penggunaan istilah berfikir diiringi dengan bahan atau topik berfikir yang Allah bawakan dalam al-Quran tidak lain bukan hanya menuju kepada satu kesimpulan sahaja iaitu Allah sebagai Tuhan. Kajian lanjut boleh dijalankan untuk merungkai lagi rahsia Allah mengenai penggunaan istilah-istilah ini.

Jika dilihat dari segi kandungan topik, terdapat lima tema utama yang Allah ketengahkan sebagai bahan berfikir dalam al-Quran iaitu:

- 1) Ajaran al-Quran dan rasul menjadikan Akidah, Fikah dan Akhlak sebagai tunjang utama. Kesemua ilmu ini perlu difahami dengan hati dan bukannya dengan akal semata-mata. Hanya orang yang diberi *tafahhum* oleh Allah mampu berijtihad dengan benar sepertimana ijtihad Nabi Sulaiman a.s.
- 2) Kekuasaan Allah meliputi kehidupan di dunia dan di akhirat. Antara contoh kekuasaan Allah yang tidak mampu diatasi oleh manusia ialah pertukaran siang dan malam, penciptaan langit dan bumi serta eko-sistem kehidupan makhluk seperti manusia, tumbuh-tumbuhan dan binatang. Ia adalah bukti bahawa Allah adalah Yang Maha Pencipta dan satu-satunya tuhan yang berhak disembah. Di sini terdapat bidang Ilmu Alam seperti ilmu Sains dan Geografi.

- 3) Ilmu bahasa adalah ilmu yang penting dan mampu merangsang pemikiran, terutamanya ilmu perumpamaan dan ilmu memahami maksud dari sudut bahasa dan istilah serta meletakkan sesuatu dalam konteks yang betul.
- 4) Ilmu sejarah, terutamanya bukti-bukti kemusnahan kaum terdahulu perlu diinsafi agar menjadi iktibar kepada umat Islam sebagai sempadan.
- 5) Orang munafik tidak mahu bertafaqquh dengan agama. Keadaan ini berbahaya kerana Allah memberikan gambaran yang buruk kepada orang yang tidak mahu berfikir. Berfikir di sini adalah dalam erti kata meletakkan agama sebagai pusat dan sempadan kepada pemikiran.

Perbincangan ini ringkasnya dapat difahami melalui Rajah 2.0:



## 2. KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan, kita dapat simpulkan bahawa mengenal dan mendekati Allah adalah matlamat utama pemikiran. Sesuatu pemikiran yang tidak dikaitkan dengan Allah dianggap sebagai tidak mencapai kebenaran yang hakiki. Sebab itu, orang yang tidak mahu berfikir dianggap sebagai salah satu sifat orang munafik.

Oleh itu, ilmu Akidah, Fikah dan Akhlak menjadi ilmu yang sepatutnya mendasari setiap ilmu yang lain. Ilmu-ilmu seperti Sains, Geografi, Bahasa dan Sejarah perlu difikirkan dalam ruang lingkup mengenal Allah melalui ilmu Akidah, Fikah dan Akhlak.

Selain itu, terdapat istilah berfikir tertentu yang Allah gunakan pada tema atau topik tertentu dalam al-Quran. Hanya satu istilah, iaitu tafakkur yang Allah jadikan sebagai istilah yang bersifat umum dan khusus. Istilah-istilah yang lain digunakan hanya pada topik-topik tertentu secara khusus.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abdul Ghaniy. 1434 H. *Al-Mukjam al-Ghaniy*. Maghribi: Muassasah al-Ghaniy Linnasyr.

Abdullah Basmeih. 2011. *Tafsir Pimpinan ar-Rahman*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Ahmad Mukhtar Abdul Hamid. 2008. *Al-Mukjam al-Lughah al-Arabiyyah al-Muasoroh*. Alam al-Kutub.

Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad. 1988. *Al-Jami al-Ahkam al-Quran*. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah.

Eman Ghanem Nayef, Nik Rosila & Hairul Nizam Ismail. 2013. Taxonomies of Educational Objective Domain. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, Vol. 3(9): 165-175.

Ibn Katsir, Abul Fida' Ismail bin Umar. 2008. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Beirut: Muassasah ar-Risalah.

Ibn Manzur, Muhammad bin Mukrim. 1414 H. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sodir.

Jamal Badi & Mustapha Tajdin. 2004. *Creative Thinking: An Islamic Perspective*. Kuala Lumpur: IIUM.

Norfadelah Nordin & Ahmad Tijani. 2015. Islamic Theoretical Model For Critical Thinking In Teaching And Learning Of Islamic Education. *GSE E-Journal of Education*, 3: 34-44.

Norillah Abdullah & Sharifah Sariah. 2012. Comparative Analysis Between Bloom's and Malik Badri's Taxonomies of Thinking Process. Dlm Bayram Ali Cetinkaya et al., *Religious And Philosophical Texts: Re-Reading, Understanding And Comprehending Them In The 21 St Century*. Istanbul University & Sultanbeli Belediyesi.

Nursyahirah Wahidah Masrom, Mahyuddin Hashim, Noorhayati Hashim & Fariza Puteh Behak. 2018. Kedudukan Taksonomi Bloom Menurut Perspektif Islam. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Need* 1(1): 18-26.

Syed Zainal Abidin, Syed Kamarul Bahrin & Nur Firdaus Abdul Razak. 2013. Defining The Cognitive Levels In Bloom's Taxonomy Through The Quranic Levels Of Understanding - Initial Progress Of Developing An Islamic Concept Education. *International Journal of Asian Social Science*, 3(9): 2060-2065.

Wahbah az-Zuhaily. 2009. *At-Tafsir al-Munir fil Aqidah wasy Syariah wan Manhaj*. Damsyik: Darul Fikr.